



JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDAYA MENGULU
NEGARA BEJOULI DARUSSALAM

KEKALKAN KEKUATAN & KETAHANAN BANGSA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai rakyat baginda menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara pagi Khamis, 1 Syawal, 1421 Hijriah bersamaan 28 Disember, 2000.

Terdahulu daripada itu, sempena menyambut 'Idul Fitri tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain telah bertitah mengenai betapa pentingnya mengekalkan kekuatan dan ketahanan bangsa yang merupakan tanggungjawab kita semua, lebih-lebih lagi bagi muda mudi generasi sekarang dan akan datang. Menurut baginda, di tangan mereka lah bergantung harapan untuk terus menyumbangkan bakti dan jasa ke arah mengekalkan ketahanan bangsa itu.

(Bersambung ke muka 3)

.....Titah



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Omar Ali Saifuddien untuk menunaikan sembahyang sunat Hari Raya 'Idul Fitri. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda.

Rejab - Syawal 1421
Oktober - Disember 2000
Tahun 4 Bilangan 4

Menarik Di Dalam :

- | | |
|--|--|
| 3 Pengajian Islam Mesti Wujud Menyerlah | 7 Himpunan Fatwa Isu-Isu Kewangan Dilancarkan & Dihadiahkan Untuk APEC |
| 4 Budaya Tidak Sihat Perlu Disekat
Malahirkan Tenaga Profesional Yang Hafaz Al-Quran | 9 Menangguhkan Menunaikan Ibadat Haji |
| 5 Bank Islam Dakwah Berkesan | 13 Doa Seorang Ibu Miskin
Unlawful Sexual Relationship From An Islamic Perspective |
| 6 | |

KE ARAH KEBANGKITAN KECEMERLANGAN TAMADUN ISLAM



Al-Hadaf Tahun 4 Bil: 4 • Rejab - Syawal 1421 / Oktober - Disember 2000

Mula 1 Januari, 2001, program Tahun Melawat Brunei 2001 telah bermula. Berbagai acara dan kegiatan akan diadakan bagi menyambut kedatangan tetamu-tamu kita yang datang dari luar negara. Ini diharatkan bagi menonjol dan memperkenalkan negara ini dalam segala aspek kehidupan rakyat dan penduduknya dengan lebih dekat lagi kepada mereka.

Ke arah menyumbang kepada mempelbagaikan acara Tahun Melawat Brunei 2001 itu, Jabatan Mufti Kerajaan akan mengadakan Expo Islam Antarabangsa I pada 1 hingga 14 Ogos, 2001. Kini tinggal lebih kurang tujuh bulan sahaja lagi acara yang bertaraf antarabangsa itu akan diadakan.

Sejak mula lagi niat murni Jabatan Mufti Kerajaan untuk mengadakan Expo tersebut ialah untuk mengembalikan kecemerlangan ilmu dan kemahiran Islam yang dimiliki oleh umat Islam di masa silam yang semakin hari semakin berkurangan, pupus dimakan zaman dan hampir dilupakan.

Sesungguhnya, pada suatu masa dahulu umat Islam kaya dengan ilmu, kemahiran dan memiliki tamadun yang tinggi.

Adalah diharapkan Expo itu nanti akan dapat mengembalikan semula kesedaran umat Islam untuk meng-

hargai ketinggian nilai tamadun yang pernah dimiliki itu. Dengan demikian, mudah-mudahan umat Islam akan dapat membangunkan semula minda dan gerakan positif ke arah kebangkitan tamadun baru yang akan dicipta dan diwujudkan oleh umat Islam.

Rantau Asia Tenggara adalah sebuah rantau yang mempunyai bilangan penduduk Islam yang ramai di samping mempunyai potensi yang besar. Oleh kerana itu adalah tidak mustahil bagi 'region' ini untuk bangun menuju ciri-ciri umat yang disebutkan itu.

Sesungguhnya kitaran tamadun dunia selalu berputar. Jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan tamadun yang dibina adalah lumrah alam. Oleh kerana itu, adalah tidak menghairankan umat yang memiliki kemajuan atau tamadun yang tinggi hari ini akan berada di bawah putaran roda tamadun itu. Dan sebaliknya, umat yang berada di bawah pada masa ini akan menghalau dan seterusnya berada ke atas. Apa lagi jika umat tersebut dahulunya adalah umat yang pernah memiliki tamadun yang tinggi, iaitulah umat Islam.

Apa yang paling penting sekarang ialah kesedaran yang menyeluruh di kalangan umat Islam mestilah wujud dan berterusan, sehingga apa yang pernah dimiliki oleh umat Islam itu menjadi realiti semula.

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Sufiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyyah binti Haji Mohd. Zainal

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas ehsan Foto
kepada:
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
dan
Pusat Dakwah Islamiyah
Kementerian Hal Ehwal Ugama.*

PERINGATAN

**Jagalah suratberita ini
dengan baik dan cermat,
kerana ia mengandungi
ayat-ayat al-Qur'an dan
hadis Nabi
*Sallallahu 'alaihi wasallam***

Pengajian Islam MESTI WUJUD, MENYERLAH

.....Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah agar pengajian Islam mesti wujud dan menyerlah, bukannya terperosok.

"Pengajian Islam mestilah wujud dan menyerlah, bukannya terperosok di celah-celah yang lain. Inilah amanah tentang Islam. Ia mesti duduk di atas menjadi mahkota kita", titah baginda.

Baginda juga menyarankan dan ingin mendengar lebih banyak mengenai pengajian Islam di Universiti Brunei Darussalam:

"Beta juga ingin untuk mendengar lebih banyak mengenai pengajian Islam di Universiti ini. Ia tidak boleh malap, atau menjadi perkara kedua yang kurang dipentingkan."

"Kita tidak mahu membuat kesilapan, sehingga yang besar dianggap kecil, atau yang penting dianggap kurang mustahak".


(Bersambung dari muka 1)

Menurut baginda lagi, cara yang mesti mereka lakukan ialah:

"Janganlah lari daripada agama, pelihara lah akidah dan keimanan, tingkatkan takwa kepada Allah, banyakkan aktiviti kebajikan, dan tutup segala pintu kemungkinan yang boleh menimbulkan murka Allah."

Kepada ibu bapa, baginda menyeru mereka supaya memainkan peranan mereka dalam melahirkan belia-belia baik yang berakhhlak tinggi. Mereka adalah agen terpenting selain daripada sekolah untuk melahirkan belia-belia yang baik lagi berwibawa.

Titah baginda lagi:



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat masuk semasa Majlis Konvokesyen ke 12 Universiti Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Konvokesyen ke 12 Universiti Brunei Darussalam, pada hari Sabtu 2 Rejab, 1421 bersamaan dengan 30 September, 2000.

Di Majlis Konvokesyen itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Ijazah Sarjana dan Sarjana Muda

kepada seramai 343 graduan.

Majlis bermula dengan bacaan surah al-Fatiha dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang juga membaca doa selamat di akhir majlis.

Sejak konvokesyen pertama pada tahun 1989, seramai 3,962 graduan telah menerima ijazah, diploma dan sijil.

"Belia-belia yang baik adalah nikmat atau aset paling mahal. Kerana itu, beruntunglah sebuah negara yang mempunyai belia-belia yang sedemikian itu. Beta yakin, Negara Brunei Darussalam adalah mempunyai potensi yang besar ke arah itu."

Titah baginda tersebut telah disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada malam Khamis, 1 Syawal, 1421 bersamaan 27 Disember, 2000 sempena menyambut Idul Fitri.

Berangkat sama menunaikan sembahyang sunat Hari Raya ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen Wazir Sahibul Himmah Wal-

Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang sunat Hari Raya telah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, sementara khutbah pula disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

BUDAYA tidak SIHAT perlu DISEKAT

..... Titah



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan Anugerah Takmir Masjid kepada Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, pemenang bagi kategori 'A'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan seluruh lapisan rakyat dan pihak yang berkaitan agar menyedari bahawa sebarang budaya yang tidak sihat, dari manapun datangnya, adalah 'wabak' yang perlu disekat, titah baginda:

"Jika dengan wabak penyakit, semua kita takut dan berhati-hati, mengapakah dengan 'wabak budaya' yang boleh meracuni rohani dan negara, kita tidak takut?"

"Di sinilah keindahan agama Islam itu, di samping ia mementingkan keselamatan nyawa, ia juga memelihara akhlak, sebab daripada ketandusan akhlak, semua kepentingan boleh terjejas dan binasa, termasuk nyawa, harta benda dan malah keselamatan bangsa dan negara."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Isra' Mikraj Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu 27 Rejab, 1421 Hijriah bersamaan dengan 25 November, 2000.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang

Maha Mulia telah berkenan mengurniakan Anugerah Takmir Masjid. Bagi Kategori 'A' - Masjid-Masjid Utama, dimenangi oleh Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Kategori 'B' - Masjid-Masjid Mukim - dimenangi oleh Masjid Kampong Bunut, Kategori 'C', Masjid Qaryah, dimenangi oleh Masjid Kampong Sungai Hanching, Kategori 'D' - Surau, dimenangi oleh Surau Kampong Sengkarai.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis diakhiri dengan doa selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Melahirkan Tenaga-Tenaga Professional Yang Ḥafaz Al-Qur'an

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa matlamat terbentuknya Institut Tahfiz Al-Qur'an ialah bagi melahirkan pakar-pakar professional yang hafaz al-Qur'an. Titah baginda:-


"Matlamat kita sangatlah jelas, iaitu ingin mendapatkan tenaga-tenaga profesional yang hafaz al-Qur'an. Insya Allah, di suatu masa nanti, kita akan mempunyai doktor perubatan al-Hafiz, juru terbang al-Hafiz, di samping sudah tentu, al-Hafiz di bidang pengajian Islam sendiri."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Perasmian Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah berlangsung pada hari Khamis, 12 Sya'ban, 1421 bersamaan 9 November, 2000.

Menurut baginda turunnya Kitab suci al-Qur'an kepada Rasulullah amatlah ajaib, belum pernah tercabar: *"Kalimat al-Qur'an adalah seindah-indah sebutan. Tidak ada lidah yang tidak pandai menyebutnya dan apabila ia disebut, tidak ada pula telinga yang tidak mahu mendengarnya."*

Itulah dia kitab dari Allah, yang turun kepada Nabi dan Rasul terakhir, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam melalui Jibril 'Alaihissalam.

Caranya diturunkan amatlah ajaib. Tetapi lebih ajaib lagi ialah isi



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberikan sembah taklimat oleh Pengetua Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengenai pembelajaran al-Qur'an melalui sistem braille.

kandungannya belum pernah tercabar, sekalipun terdapat musuh-musuh yang cuba berbuat demikian."

Baginda seterusnya bertitah, bahawa penubuhan institut tersebut juga adalah dihasratkan untuk menghasilkan penghafaz-penghafaz tempatan yang berpeluang untuk mempelajari mata-mata pelajaran konvensional, seperti sains, matematik, komputer, bahasa Arab, Melayu dan Inggeris, di samping tidak tercicir daripada memahami ilmu-ilmu sains dan teknologi di bawah sistem Tri-Bahasa.

Baginda juga turut berbangga dengan keputusan peperiksaan institut tersebut dan penghantaran pelajar-pelajarnya ke luar negeri.

Baginda berharap supaya penubuhan institut tersebut bukan saja berkeupayaan untuk melahirkan

pakar-pakar seperti yang disebutkan, malahan juga, dengan sendirinya akan menjadi wadah kepada pembentukan dan pendidikan akhlak yang mulia, sepetimana akhlak Rasullullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* iaitu al-Qur'an.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Juga turut berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Ceteria, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, perwakilan negara sahabat, Setiausaha Tetap dan deif-deif kenamaan.

BANK ISLAM

Dakwah BERKESANTITAH



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani buku peringatan sempena pembukaan rasmi Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) dan ibu pejabatnya.

Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa yakin bahawa bank Islam akan menjadi alat dakwah yang berkesan sekiranya ia juga berjaya membentuk imej baik yang boleh memikat dan menarik hati masyarakat.

"Dalam konteks ini, cabaran sepenuhnya adalah kepada pihak pengurusan dan pengendalian bank. Jika mereka itu cukup berwibawa dan berjaya meng-

dalikannya dengan cekap, bersih dan telus, maka itulah dia hadiah kepada Islam, yakni dakwah paling kuat bagi ugama Allah ini".

Kebawah Duli Yang Mulia bertitah demikian di majlis Pelancaran Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) dan Pembukaan Ibu Pejabatnya pada hari Sabtu 14 Sya'ban, 1421 Hijriah bersamaan 11 November, 2000, di Kompleks Setia Kenangan, Kampong Kiulap.

Baginda berharap Bank Pembangunan

Islam Brunei Berhad bukan saja akan beroperasi dengan pelanggan tempatan semata-mata tetapi mesti terlibat dengan urus niaga kewangan dan pelaburan serantau dan antarabangsa.

Menurut baginda, *"Melalui Skim Mu'amalahnya, ia juga akan lebih berjaya menarik dan merapatkan lagi hubungan di antara pengusaha, peniaga, penyimpan dan pelabur dengan bank, bukan atas dasar mementingkan keuntungan semata-mata, malahan yang afodalnya, ia juga adalah dijiwai oleh semangat dan konsep 'usaha-sama', seperti melalui Skim Mudharabah (trusting financing), ataupun Musyarakah (partnership financing)"*

Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad adalah 100% milik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sebelumnya ia dikenali sebagai Bank Pembangunan Brunei dan dilancar secara rasmi pada 31 Mac, 1995.

Pada 1hb Julai, 2000, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Bank Pembangunan Brunei ditukar kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad.

DERMA IHSAN JABATAN MUFTI KERAJAAN

Demi simpati kerana Allah atas hajat hamba-Nya, Mufti Kerajaan, Timbalan Mufti Kerajaan, Pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan telah menyumbangkan derma ihsan berjumlah \$6,000 bagi menampung perbelanjaan keluarga Awang Mohd Farid bin Abdullah yang sangat-sangat berhajat untuk merawat anaknya, Awang Mohd Sani yang sedang menjalani perubatan di Nilai Cancer Institute, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Derma tersebut telah disampaikan melalui Awang Haji Kamis bin Haji Ali, Setiausaha Ketiga (Kewangan), Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur, Malaysia pada 25 Rejab 1421 bersamaan 23 Oktober 2000.



Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan Dato Paduka Ahmad Bukhari dan Pegawai Kanan Jabatan Mufti Kerajaan, ketika berkunjung ke rumah Awang Mohd Farid bagi mendapatkan perkhabaran dari bapa saudara dan anak-anaknya tentang perkembangan kesihatan Awang Mohd Sani.

MAJLIS PELANCARAN

Buku Isu-Isu Kewangan



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan melafazkan sabda di Majlis Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda bahawa isu-isu kewangan merupakan isu global yang popular yang sering menjadi perbincangan hangat di forum-forum masyarakat antarabangsa. Ini adalah kerana sumber kewangan dan kekuatan ekonomi itu menjadi perkara yang menentukan perkembangan dan pembangunan sesuatu umat atau bangsa. Justeru itu sistem ekonomi dan kewangan itu mestilah dipandu atau dipimpin oleh peraturan dan undang-undang, dan bagi kita umat Islam, sudah tentulah oleh dasar-dasar hukum syaria' agar ia menjadi bertambah teguh dan mantap.

Duli Yang Teramat Mulia menambah, "Apabila berlakunya kegawatan ekonomi, terutamanya di negara-negara Asia, sebahagian daripada ahli ekonomi mula tertarik dan ingin mendalami dengan lebih dekat lagi sistem perbankan Islam, yang ternyata berupaya membawa kepada kemantapan di tengah-tengah kegawatan ekonomi itu. Inilah rahsia perintah Allah bagi sesiapa yang mengurus dan mentadbirkan kehidupan dunia dengan berlandaskan lunas-lunas hukum dan perintah-Nya."

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, Penerbitan buku Isu-Isu Kewangan bersempena dengan Sidang Kemuncak APEC 2000 adalah sesuai, memandangkan kaitan atau komitmenya dengan perkara-perkara yang mungkin timbul di dalam persidangan tersebut, iaitu perkara-perkara ekonomi dan kewangan. Sekurang-kurangnya buku tersebut akan dapat memberi gambaran bukan saja kepada umat Islam sendiri, bahkan juga kepada masyarakat antarabangsa, tentang bagaimana Islam itu mempunyai caranya yang tersendiri dalam menangani isu-isu kewangan dan ekonomi.

Duli Yang Teramat Mulia berharap dengan terbitnya buku tersebut ianya akan

menambah lagi jumlah khazanah ilmu-ilmu Islam yang terbit di negara ini yang sangat diperlukan oleh para penyelidik, sarjana dan pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini sendiri dan bahkan juga di luar negara. Duli Yang Teramat Mulia percaya bahawa dengan sifatnya yang tersendiri, buku ini akan mampu menjawab dengan tepat terhadap masalah-masalah yang berhubungkait dengan kewangan yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini, insya Allah.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menerima sembah taklimat mengenai buku yang dilancarkan dari Multi-Kerajaan sambil diperhatikan oleh Pengerusi / Pengarah Urusan IBB.

demikian di Majlis Pelancaran buku Isu-Isu kewangan yang diadakan pada 4hb. November, 2000 bersamaan dengan 7 Sya'ban, 1421 bertempat di Hotel Empire & Country Club, Jerudong. Dalam majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia berkenan melancarkan buku tersebut dan berkenan menyaksikan Pameran Kemajuan dan Perkembangan Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.



Di antara para jemputan yang menghadiri Majlis Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan. Buku tersebut diterbitkan dalam versi Melayu dan Inggeris.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menyampaikan Buku Isu-Isu Kewangan kepada wakil Pengerusi Kebangsaan APEC 2000. Buku tersebut sebahagiannya dijadikan cenderamata delegasi APEC 2000.

PAMERAN PERKEMBANGAN & KEMAJUAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Di Negara Brunei Darussalam

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika merasmikan Pameran Perkembangan Dan Kemajuan Institusi Kewangan Islam.



Empena Majlis Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan iaitu terbitan terbaru yang berbentuk himpunan fatwa Mufti Kerajaan, satu Pameran Mengenai Perkembangan dan Kemajuan Institusi Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam telah diadakan bertempat di Empire Hotel & Country Club, Jerudong, pada hari Sabtu, 7 Sya'ban, 1421 bersamaan dengan 4 November, 2000.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan pameran tersebut. Ianya diadakan julung-julung kali oleh empat buah agensi kewangan Islam di negara ini. Institusi yang menyertainya terdiri daripada Bank Islam Brunei Bhd., Tabung Amanah Islam Brunei, Bank Pembangunan Islam Brunei Bhd. dan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam.

Antara tujuan pameran tersebut diadakan adalah:

- Untuk menunjukkan kepada masyarakat umum tentang

perkembangan kewangan Islam sejak ia diperkenal dan dilaksanakan pada tahun 1991.

- Menyedarkan dan membuktikan kepada masyarakat umum bahawa sistem kewangan Islam adalah satu sistem kewangan yang sangat bersesuaian bagi setiap golongan masyarakat.
- Menggalakkan masyarakat umum untuk terus menyokong institusi kewangan Islam di Negara ini dari semasa ke semasa.
- Menggalakkan masyarakat untuk memanfaatkan segala kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan Islam di negara ini.
- Untuk membantu umat Islam di negara ini khususnya dan masyarakat umum seluruhnya maju dalam bidang sosio-ekonomi.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan dan Ahli Jawatankuasa Pameran Perkembangan Dan Kemajuan Institusi Kewangan Islam. (Gambar atas)

Buku Isu-Isu Kewangan dan Monetary Issues juga dipamerkan dalam pameran tersebut. (Gambar kiri)

MENANGGUHKAN MENUNAIKAN IBADAH HAJI

Soalan:

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita dipohonkan fatwa mengenai penangguhan menunaikan fardhu haji bagi orang yang telah memenuhi syarat-syarat untuk bahan rujukan dan sandaran di Kementerian Pertahanan.

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْفُرْقَانَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَبَيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى اللَّهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْدِينِ، أَكْثَمَ هِدَايَةً لِلصَّوَابِ، وَبَعْدَ

Melaksanakan ibadat haji merupakan salah satu rukun Islam dan ia wajib dilakukan sekali seumur hidup, kecuali sekiranya dinazarkan.

Dalil wajib haji itu termasuk juga umrah seperti firman Allah Subhanahu wata'ala:

وَأَتَمُوا الْحَجَّ وَالْعُمَرَةَ لِلَّهِ

(Surah Al-Baqarah: 196)

Tafsirnya: "Dan sempurnakanlah ibadat haji dan 'umrah kerana Allah." (Surah Al-Baqarah: 196)

FirmanNya lagi:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مِنْ
أَسْطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

(Surah Al-Anbiya: 97)

Tafsirnya: "Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya." (Surah Al-'Imran: 97)

Adapun dalil tentang kewajipan menunaikan haji hanya sekali dalam seumur hidup telah disebutkan dalam hadis:

حَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ فَرِضَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَحُجُّوا . فَقَالَ رَجُلٌ : أَكَلَّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَسَكَّتْ ، حَتَّى قَالَهَا ثَلَاثَةً ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَوْ قُلْتُ نَعَمْ لَوْ جَبَثْ وَلَمَا اسْتَطَعْتُمْ ، ثُمَّ قَالَ : ذَرُونِي مَا تَرْكُتُكُمْ فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ يَكْثُرَةً سُوءَهُمْ وَاحْتِلَافُهُمْ عَلَى أَبْيَائِهِمْ فَإِذَا أَمْرَتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَدُعُوهُ .

(Roaah Muslim)

Maksudnya: "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah berkhutbah kepada kami. Sabdanya: "Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah mewajibkan haji ke atas kamu, oleh sebab itu kerjakanlah haji itu." Seorang lelaki bertanya: "Adakah tiap-tiap tahun wahai Rasulullah?" Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam diam tidak menjawab,



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

sehingga lelaki itu mengulang-ulang pertanyaannya sebanyak tiga kali. Selepas itu barulah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Jikalau aku menjawab "ya", nescaya wajiblah ianya (setiap tahun) dan kamu tidak akan berupaya melakukannya." Seterusnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda lagi: "Biarkanlah aku (jangan kamu tanya) tentang apa yang aku tinggalkan (yang tidak aku sebutkan) kepada kamu. Sesungguhnya telah binasa orang-orang yang sebelum kamu adalah dengan sebab banyaknya pertanyaan dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka. Maka apabila aku menyuruh kamu dengan satu-satu perintah itu, kamu laksanakanlah sesuai dengan keupayaan kamu dan apabila aku mlarang kamu daripada (mengerjakan) sesuatu, maka kamu tinggalkanlah ianya."

(Hadis riwayat Muslim)

Walau bagaimanapun kewajipan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang diperlukan iaitu: Islam, mukallaf, merdeka dan berkeupayaan (Istithâ'ah).

Mengikut mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, apabila syarat-syarat wajib haji sudah sempurna pada diri seseorang, maka wajiblah dia terus

pergi melaksanakan haji tanpa melengah-lengahkannya atau tanpa bertangguh-tangguh.

Namun menurut mazhab kita Syafi'e, ia wajib *tarâkhi* (yakni boleh ditangguhkan). Jika ditangguhkan daripada tahun yang dia upaya ke tahun yang lain, maka tidaklah dia derhaka (berdosa) dengan sebab penangguhan itu, akan tetapi tertakluk dengan dua syarat:

Pertama: Tidak ditakuti luput haji, sama ada disebabkan usia sudah lanjut dan tidak lagi berupaya melakukannya, atau sama ada wang perbelanjaannya itu akan habis.

Maka jika ditakuti haji tidak dapat dilakukan disebabkan usia sudah lanjut dan tidak berupaya lagi mengerjakannya, atau perbelanjaan yang sudah sedia ada akan habis sekiranya ditangguhkan, maka tidak lagi boleh ditangguhkan, bahkan wajiblah dilakukan dengan bersegera. Melewatkannya atau menangguhkan dalam keadaan yang demikian adalah berdosa.

Kedua: Hendaklah berazam akan melakukan haji itu sekiranya ia ditangguhkan dengan ada syarat yang pertama. Sekiranya tidak ada azam ini, maka berdosalah membuat penangguhan itu.

Imam Nawawi berkata:

إِذَا وُجِدَتْ شَرِائِطٌ وُجُوبُ الْحَجَّ
وَجَبَ عَلَى التَّرَاخِيِّ فَلَمْ تُأْخِرْهُ مَا لَمْ
يَخْشَعْ الْعَصْبَ ، فَإِنْ خَشِيَّةُ حُرُمَ عَلَيْهِ
الْتَّأْخِيرُ عَلَى الْأَصْحَاحِ - هَذَا مَدْهُبُنَا .

Ertinya: "Apabila sudah diperolehi syarat-syarat wajib haji, maka wajiblah ia secara *tarâkhi*, dan orang berkenaan boleh menangguhannya selama dia tidak takut mati (sebelum melakukannya), tetapi sekiranya dia khawatir dia akan mati sebelum sempat melakukannya atau peruntukan

perbelanjaan untuk haji akan habis, maka haramlah ke atasnya menangguhannya mengikut pendapat yang *ashah*. Inilah mazhab kita." (Al-Îdhâh h. 104)

Tersebut di dalam kitab I'ânah at-Thâlibîn bahawa haji dan umrah itu sekali dalam seumur hidup, boleh ditangguh atau dikemudiankan atau tidak dengan segera. Mengenai dengan penangguhan sebagaimana *nashnya*:

إِنَّمَا يَجُوزُ التَّأْخِيرُ بِشَرْطِ الْغَرْمِ عَلَى
الْفَعْلِ فِي الْمُسْتَقْبَلِ ، وَأَنْ لَا يَتَضَيَّقَ
عَلَيْهِ بَنْدِرٌ ، أَوْ قَضَاءٌ ، أَوْ حَوْفٌ
عَصْبٌ ، أَوْ تَلْفٌ مَالٍ بِقَرْبَتِهِ ، وَلَوْ
ضَعِيفَةً .

Ertinya: "Sesungguhnya harus dikemudiankan mengerjakan haji itu dengan syarat mestilah ada azam hendak menunaikan haji atau umrah itu pada masa akan datang, dan tidak berlaku kesuntukan (*sempit*) masa haji atau umrah itu dengan adanya *nazar haji*, atau *qadha haji* atau takut lemah

syarat boleh menangguhkan haji bagi orang yang sudah cukup syarat-syarat wajib haji itu, adalah berkisar pada beberapa faktor berpandukan tanda-tanda yang zahir, seperti badannya masih sihat, umur belum lanjut dan tidak sering sakit, di mana dengan berat sangka apabila ditangguhannya dia masih akan hidup pada tahun berikutnya atau perbelanjaan yang sudah cukup itu akan masih tetap ada dan mencukupi, tidak habis atau hilang. Di samping juga disyaratkan mesti ada azam untuk menunaikannya.

Mengenai kedudukan azam ini, al-Imam al-Ghazali *Rahimahullah* menjelaskan:

لَمْ يَجُوزِ التَّأْخِيرُ إِلَّا بِشَرْطِ الْغَرْمِ وَلَا
يَجُوزُ الْغَرْمُ عَلَى التَّأْخِيرِ إِلَّا إِلَى مُدْئَةٍ
يَغْلِبُ عَلَى ظَنِّهِ الْبَقَاءُ إِلَيْهَا كَثُرَيْرِهِ
الصَّلَاةُ مِنْ سَاعَةٍ إِلَى سَاعَةٍ وَتَأْخِيرِهِ
الصَّوْمُ مِنْ يَوْمٍ إِلَى يَوْمٍ مَعَ الْغَرْمِ عَلَى
الشَّفَرُغُ لَهُ فِي كُلِّ وَقْتٍ وَتَأْخِيرِهِ
الْحَجَّ مِنْ سَنَةٍ إِلَى سَنَةٍ .

66

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.

99

badan untuk pergi berhaji atau binasa harta untuk haji dengan ada tandatanda sedemikian itu sekalipun tandatanda itu lemah." (I'ânah at-Thâlibîn 2/321-322).

Dengan hal yang demikian, maka

Ertinya: "Melaksanakan perintah tidak boleh dilambat-lambatkan melainkan dengan syarat ada azam (akan melakukannya dalam waktunya). Dan tidak boleh pula membuat azam untuk menangguhkan kewajiban itu melainkan dia bersangka kuat bahawa dia masih akan hidup sehingga habis masa tuntutan perintah. Seperti dia melambatkan sembahyang dari satu saat ke saat lain, menangguhkan puasa (ganti) dari satu hari ke hari lain yang disertai azam akan melakukannya pada bila-bila masa saja, dan begitu juga menangguhkan haji dari satu tahun ke tahun lain." (Al-Mustashfâ 1/71)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

Anak Angkat

Status anak angkat dalam keluarga angkat sudah semacam tidak diambil perhatian berat. Dari segi makan minum, pendidikan dan asuhan, memang anak angkat itu diberi secukupnya semacam anak sendiri. Namun sebenarnya ada lagi perkara-perkara yang lebih penting untuk diberi perhatian, seperti hubungan di antara anak angkat dengan keluarga angkat, perkara waris dan wali.

Dalam perkara hubungan di antara anak angkat dengan keluarga angkat, kedudukan anak angkat adalah sebagai orang asing di kalangan keluarga angkatnya itu walaupun bernaung di bawah satu bumbung. Oleh itu hubungan di antara mereka mestilah berasaskan hubungan dengan orang asing yang bukan *mahram*.

Di antara sesama mereka tidaklah boleh mendedahkan aurat dengan sesuka hati. Pergaulan di antara mereka tidak boleh lebih daripada apa yang dibataskan antara seorang asing yang bukan *mahram* dengan yang lain, sebagaimana yang dibataskan oleh syara'. Tidak timbul di sini alasan bahawa mereka sudah seperti adik-beradik, bukan orang lain lagi.

Dalam perkara waris pula anak angkat tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka yang ditinggalkan oleh bapa yang mengangkatnya, kecuali ada sebab-sebab lain yang berkaitan dengan hukum waris.

Malahan jika anak angkat dibenarkan mendapat bahagian dalam harta waris dan mendinding atau menghalang keluarga dekat sebenar yang berhak menerima, tidak syak lagi akan menimbulkan perasaan yang tidak baik di kalangan keluarga sebenar terhadap orang baru (anak angkat)

yang merampas hak milik mereka. Harta yang diperolehinya itu juga adalah harta yang haram kerana bukan haknya yang sebenar.

Dalam masalah perkahwinan pula jika anak angkat itu seorang perempuan, tidak ada hak bagi bapa angkatnya untuk menjadi wali kepadanya.

Orang yang menjadi wali nikah baginya ialah orang yang ada hubungan *nasab* dengan anak angkat yang akan bernikah itu, yang disebut sebagai wali *nasab*, seperti bapa kandungnya, ataupun jika tidak ada berpindah pula kepada datuk sebelah bapa dan seterusnya, sebagaimana yang ditetapkan oleh syara' dalam perkara wali nikah.

Begitulah antara perkara yang perlu diambil perhatian terutama bagi anak angkat dan yang mengangkat anak. Sungguhpun demikian, untuk mengatasi apa-apa jua masalah dan kerumitan yang timbul mengenai hukum akibat daripada aturan-aturan atau sekatan-sekatan pengambilan anak angkat, terdapat pilihan-pilihan tertentu yang boleh dibuat yang tidak bertentangan dengan syara', umpamanya seperti berikut:

i. Pemberian harta

Dalam masalah pemberian harta, seorang bapa angkat boleh mengelakkan anak angkatnya daripada menerima harta yang bukan haknya dengan cara memberikan harta itu semasa dia masih hidup lagi melalui *hibah* ataupun dengan jalan wasiat, dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada keseluruhan harta pusaka.

Hibah ialah memberikan sesuatu kepada orang lain semasa hidup, sebagai hak miliknya, dengan tidak mengharapkan ganti atau balasan.

ii. Wali nikah

Jikalau anak angkat itu perempuan, tidak diketahui siapa walinya yang sebenar, ataupun jika anak angkat itu tidak lagi mempunyai wali nasab, kerana sudah meninggal dunia umpamanya, maka walinya ialah wali hakim.

iii. Anak susuan

Untuk mengatasi masalah supaya tidak berlaku pergaulan haram antara anak angkat dan keluarga angkatnya, terdapat satu pilihan yang boleh dibuat dengan mengikut hukum syara'.

Jika anak angkat yang diambil adalah seorang anak damit yang belum sampai umurnya dua tahun, dan ibu angkat boleh menyusukan anak tersebut sekurang-kurangnya lima kali susuan dalam masa yang berasingan mengikut kebiasaan, serta yakin bahawa susu itu sampai ke perut kanak-kanak tersebut, maka menurut mazhab Syafi'e, anak itu menjadi anak susuan. Jadilah anak itu sebagai saudara sesusan kepada anak-anak kandung ibu angkat itu.

Maka dengan itu, batas-batas pergaulan dan aurat menjadi lebih luas dan mudah mengikut sebagaimana batas-batas pergaulan dan aurat antara sesama keluarga kandung, kerana anak susuan adalah seperti anak sendiri.

Semoga dengan *irsyad* yang diberikan dalam perkara anak angkat ini, dapat kita jadikan panduan agar kita terhindar daripada sesuatu yang bertentangan dengan hukum syara'.

Perjanjian Persefahaman antara JMK & IBB



Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz dan Pengerusi / Pengarah Urusan IBB Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman ketika menandatangani perjanjian tersebut.

Perjanjian persefahaman mengenai penerbitan antara Jabatan Mufti Kerajaan dan IBB telah diadakan pada 28 Rejab, 1421 bersamaan 26 Oktober, 2000 dalam satu majlis penandatangan yang diadakan bertempat di Dewan Serbaguna Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiulap.

Terdahulu sebelum itu, Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan.

Upacara penandatanganan persefahaman bagi penerbitan antara kedua pihak, telah ditandatangani bagi pihak Jabatan Mufti Kerajaan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan manakala bagi pihak Bank Islam Brunei Berhad diwakili sendiri oleh Pengerusi / Pengarah Urusan Bank Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim.

Penandatangan perjanjian berkenan disaksikan oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah bagi pihak Jabatan Mufti Kerajaan, dan Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji

Baki Setiausaha Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Berhad bagi pihak IBB.

Dalam ucapannya, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan, mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak IBB dan bersyukur di atas persetujuan perjanjian tersebut.

Walaupun perjanjian itu baru ditandatangani, namun persetujuan awal telahpun diadakan sebelum ini dalam penerbitan buku "Lawatan Negara; Satu Wadah Kerana Allah".

Melalui perjanjian yang dimeterai itu, apabila kedua pihak bersetuju untuk menerbitkan sesuatu bahan ilmu, IBB, di satu pihak akan bersedia memilih untuk memberikan pembayaran penerbitan itu sepenuhnya atau sebahagianya, manakala Jabatan Mufti Kerajaan akan menyediakan bahan ilmu berkenaan dalam format yang layak untuk penerbitan dan pembacaan umum.

Hadir sama di majlis itu ialah pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan dan Bank Islam Brunei Berhad.



Di antara yang hadir di Majlis Penandatanganan Perjanjian Persefahaman antara Jabatan Mufti Kerajaan dan Bank Islam Brunei Berhad (IBB).

DOA Seorang IBU MISKIN

Semasa kerajaan Bani Umayyah berkuasa di bawah pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, terdapat seorang janda daripada keturunan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Dia mempunyai tiga orang anak perempuan yang masih kecil dalam keadaan hidupnya sangat dhaif dan menyedihkan.

Pada suatu hari anak-anaknya menangis tidak berhenti-henti, kerana tidak tahan lagi menanggung kelaparan. Sudah puas ibunya memujuk menyuruh bersabar namun anak-anak itu terus menangis dengan kuatnya.

"Tunggulah sampai besok nak, nanti ibu akan pergi ke pejabat kadi bertemu tuan hakim meminta sesuatu daripada harta 'Baitulmal', mudah-mudahan dia menghulurkan sedikit bantuan untuk kita." Ujar ibu itu berjanji mengharapkan anak-anaknya akan diam.

Maka pada keesokan harinya, pagi-pagi lagi ibu tadi beserta anak-anak itu datang ke pejabat tuan hakim. Setelah agak lama menunggu, barulah tuan hakim datang. Melihat ibu dan anak-anak kecil berada di hadapan pejabatnya, tuan hakim bertanya:

"Ada apa kamu sekalian menunggu di sini?"

"Tuan Hakim! Kami sudah lama tidak menjamah makanan. Saya sendiri bolehlah tahan, tapi anak-anak kecil ini tidak sanggup menahan lapar, jadi kami datanglah ke mari mogamoga Tuan dapat memberikan sedikit sedekah kepada kami." Kata ibu tadi mengharap belas kasihan daripada tuan hakim itu.

"Baiklah, hari ini kembalilah dulu! Besok aku akan berikan kamu sesuatu," tegasnya.

Wajah ibu itu ceria sedikit bila mengetahui bantuan yang diharap-harapkan itu akan diterimanya esok. Tapi bila memikirkan keadaan anak-anaknya yang sedang kelaparan itu maka timbul di hatinya untuk merayu kepada tuan hakim itu supaya bantuan itu diberikan pada hari itu juga.

"Tuan Hakim! Terima kasih banyak di atas pertimbangan Tuan yang baik itu, tapi alangkah baiknya kalau bantuan itu diberikan sekarang ini juga kerana anak-anakku sedang kelaparan." Ibu itu merayu.

"Sudahlah, bukankah aku sudah katakan besok saja, aku baru saja datang, takkan hendak menyelesaikan urusan kamu dahulu. " Sergah tuan hakim sambil minta si ibu itu keluar dari biliknya.

Ibu itu menarik tangan anaknya untuk pulang, namun anak yang tidak mengerti itu lebih kuat lagi tangisannya kerana dilihatnya

tidak ada sesuatu yang diberikan oleh tuan hakim itu.

"Tuan hakim tak bagi kita apa-apa ibu?" Tanya anaknya yang agak besar itu.

"Tuan hakim sibuk hari ni nak, besok dia akan berikan sesuatu kepada kita." Pujuk si ibu.

Pada malam itu dia terpaksa mencari jalan untuk mententeramkan anak-anaknya agar tidak terus menangis dan meyakinkan bahawa mereka pasti dapat bantuan daripada harta Baitulmal pada keesokan harinya. Namun anak-anak yang belum faham itu terus bertanya kenapa mesti kena tunggu besok kalau tuan hakim betul-betul mahu bantu. Bagaimanapun akhirnya mereka semua tertidur di dalam keadaan perut yang kosong.

Pada keesokan paginya, ibu itu pergi seorang diri ke pejabat tuan hakim sementara anak-anaknya ditinggalkannya di rumah.

"Assalamualaikum Tuan Hakim," ibu itu memulakan bicaranya.

"Ah, pagi-pagi buta begini engkau sudah sampai ke mari, ada apa?" Bentak tuan hakim pura-pura bertanya.

"Bukankah Tuan Hakim suruh saya datang hari ini kerana bantuan yang Tuan janjikan itu?" Kata ibu itu.

"Bantuan yang aku janjikan? Eh...aku tak pernah berjanji kepada sesiapa pun." Kata tuan hakim dengan nada sompong.

"Bukankah saya yang datang kelmarin dengan anak-anak dan Tuan Hakim menyuruh....."

Belum sempat ibu itu menghabiskan bicaranya untuk mengingatkan tuan hakim tentang janjinya, tiba-tiba tuan hakim dengan nada keras dan suaranya yang tinggi memerintah pengawalnya.

"Hei pengawal! Halau perempuan ini dari sini."

"Wahai Tuan Hakim! Kenapakah tuan bersikap zalim begini?" Kata ibu itu dengan marah.

"Ah... pergi saja dari sini, jangan bising-bising, buang masa saja." Perintah Tuan Hakim.

Dengan penuh perasaan malu, ibu itu keluar dari pejabat tuan hakim sambil menahan tangisannya. Dia tidak mahu menunjukkan dirinya rendah dan hina seperti seorang pengemis yang sudah tidak punya pendirian lagi. Dia tahu dirinya dari keturunan mulia, dari anak cucu Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang mesti menjaga harga diri.

Ibu itu cepat-cepat meninggalkan tempat itu

dengan fikirannya yang berkecamuk memikirkan nasib malang yang menimpak dirinya.

"Apa yang akan aku katakan kepada anak-anakku yang sedang menunggu di rumah? Aku katakan tuan hakim itu telah memungkiri janjinya? Manalah anak-anak kecil itu tahu alasan-alasan seperti itu." Bisik ibu itu di dalam hatinya.

Dia kemudian memesangkan kakinya ke haluan jalan di mana terdapat sederetan rumah-rumah buruk yang sudah tidak berpenghuni lagi dan duduk di salah satu anak tangga di situ. Dia terus menangis sekutu-kuat hatinya sambil mengeluh: "Wahai Tuhan! Apa yang akan aku katakan kepada anak-anakku yang sedang menunggu? Aku tidak sanggup lagi melihat mereka menangis kerana kelaparan. Aku tidak dapat menipu mereka lagi dengan alasan-alasan yang tidak benar! Tuhan! Berilah aku jalan keluar daripada kesempitan ini! Aku sendiri pun sudah tidak larat lagi menanggungnya, apakah lagi anak-anakku yang kecil yang belum tahu apa-apa pun!" Ibu itu mengadu kepada Allah.

Ibu itu terus menangis dan merintih mengenangkan kesempitan hidupnya yang selalu sangat di dalam kelaparan dan dipandang hina oleh masyarakat setempat.

Sedang dia menangis tiba-tiba lalu di hadapannya dua orang pemuda yang kebetulan dari tadi sempat mendengar keluhan dan tangisannya, lalu menegur.

"Wahai ibu, jangan takut... kenapa ibu menangis di sini?" Tanya pemuda itu.

"Wahai orang muda, kamu siapa? Dan kenapa kamu datang ke sini?" Ujar ibu itu pula sambil mengesatkan airmata dengan tangannya.

"Nama saya Saiduq, berbangsa Nasrani dan beragama Masihi. Semua orang kenal saya di sini, dan ini pengawal saya." Kata pemuda itu sambil menunjukkan pengawalnya.

"Saiduq, saudagar Nasrani yang kaya raya itu ke?" Tanya ibu itu yang pernah mendengar cerita tentang kekayaan Saiduq sebelum ini.

"Kenapa ibu menangis di sini?" Tanya Saiduq tanpa menghiraukan pertanyaan ibu itu.

"Tak ada apa-apa," Jawab ibu itu cuba menyembunyikan.

"Tak ada apa-apa takkan menangis? Cuba ceritakan!" Desak Saiduq lagi.

Setelah didesak berkali-kali akhirnya ibu itu pun menceritakan nasibnya yang malang itu dan bagaimana dia hidup menderita kesusahan menanggung tiga orang anaknya yang masih

kecil. Diceritakan juga apa yang berlaku di antaranya dengan tuan hakim yang sompong itu.

"Saya faham, ibu jangan menangis lagi!" kata Saiduq.

Kemudian Saiduq menyuruh perempuan itu kembali dulu ke rumah dan menunggu bantuan yang akan dikirimkan kepadanya lalu memanggil pengawalnya dan berkata:

"Pengawal! Berikan perempuan ini seribu dinar (nilai yang sangat tinggi waktu itu). Kemudian belikan dia dan anak-anaknya pakaian dan segala keperluan rumahnya sekarang juga!" Perintah Saiduq.

Ibu itu terkejut melihat seorang Nasrani yang begitu murah hati terhadap orang yang susah dan menderita sepertinya. Dia tidak dapat mengatakan betapa terima kasihnya terhadap orang yang bertimbangrasa itu. Meskipun dia bukan seorang muslim, namun dia tetap seorang manusia yang mempunyai perasaan terhadap insan yang lain.

Orang suruhan Saiduq itu segera pergi ke pasar untuk membeli makanan, buah-buahan dan segala keperluan dapur yang diperlukan oleh sebuah rumah, di samping pakaian untuk ibu dan anak-anaknya. Kesemuanya disampaikannya pada hari itu juga.

Anak-anaknya bergembira melihat barang-barang yang belum pernah dilihatnya seumur hidup. Ibu itu juga turut gembira, dan mulai hari itu dia tidak menangis lagi. Dalam tangannya sudah ada seribu dinar yang cukup untuk menjamin hidupnya dua atau tiga tahun lagi.

"Sampaikan salam ku kepada Saiduq serta ucapan terima kasih banyak kepadanya", kata ibu itu kepada pengawal tersebut.

Kemudian ibu itu pun berdoa kepada Allah: "Ya Allah! Ya Tuhanku! Berikanlah si Saiduq itu taufiq dan hidayat untuk memeluk Islam, dan berikanlah dia daripada kenikmatanMu di syurga!"

Sementara itu pada suatu malam tuan hakim yang sompong itu telah bermimpi melihat seolah-olah dia sedang berada di Hari Kiamat. Manusia terlalu sibuk waktu itu, masing-masing mencari perlindungan mengikut amalan di dunia. Tuan hakim dibawa malaikat menuju ke syurga. Kemudian di dalam syurga itu dia dibawa masuk ke dalam sebuah gedung besar yang tinggi, indah permai penuh dengan ukiran mas merah, tingkapnya daripada mutiara putih yang berkilau-kilauan. Di suatu tingkap di situ berdiri sekumpulan bidadari yang bercahaya lebih terang daripada cahaya matahari, dan lebih menarik dan cantik daripada cahaya bulan.

Apabila tuan hakim tiba di situ, semua bidadari itu bertempik di mukanya: "Orang yang tidak tahu diuntung! Orang yang dalam kerugian! Dulu kami semua adalah kepunyaanmu, dan gedung ini pula adalah milikmu. Tetapi

sekarang sudah bertukar, alangkah malangnya nasibmu. Semuanya ini, termasuk kami bidadari akan menjadi hak milik Saiduq, seorang berbangsa Nasrani itu. Sekarang pergi dari sini, kami bukan hak milik kamu lagi. Tempat yang layak bagi kamu adalah neraka." Kata suara tempikan yang sangat dahsyat.

Kemudian tuan hakim itu dibawa pula ke dalam neraka, dan ditunjukkan tempatnya di situ. Pada saat itulah tuan hakim itu tersedar daripada mimpiinya. Dia terperanjat dan merasa takut sekali. Dia tidak dapat tidur pada malam itu sampai ke pagi memikirkan mimpiinya yang menakutkan itu.

Pada keesokan paginya, tuan hakim bergegas ke rumah Saiduq. Saiduq berbangga kerana tuan hakim datang ke rumahnya.

Tuan Hakim masuk ke dalam rumahnya lalu bertanya: "Ada apa-apa tak kebaikan yang kau lakukan semalam?" Tanya tuan hakim.

"Saya memang suka membuat kebaikan," jawabnya. "Kebaikan yang macam mana?" Tanya Saiduq kembali.

"Kebaikan apa saja, cuba terangkan!"

"Malam tadi saya menjamu kawan-kawan minum arak, dan saya minum lebih sedikit, maka saya mabuk, saya tidak ingat apa-apa." Saiduq memberitahu tuan hakim.

"Aku tidak mahu tahu dosa yang kau buat itu, yang aku maksudkan kebaikan apa yang kau buat untuk orang lain, cuba ingat," tuan hakim naik darah.

Setelah diingati betul-betul maka teringatlah Saiduq bahawa beberapa hari yang lalu dia telah menolong seorang perempuan dan anak-anaknya yang di dalam kesusahan dan kelaparan.

"Barangkali kebaikan yang aku lakukan terhadap seorang perempuan yang mempunyai tiga anak kecil jika tidak salah aku!" terang Saiduq.

"Ya ... ya, itulah dia" pintas tuan hakim tidak sabar. "Apa yang kau berikan kepadanya?"

"Apakah salah, jika aku berikan sesuatu kepadanya?" Tanya Saiduq lagi.

"Bukan begitu, tetapi aku hendak tahu, apa yang kau berikan kepadanya, dan bagaimana kau boleh bertemu dengannya", kata tuan hakim lagi.

"Oh.... begitu! Baiklah, mula-mula saya jumpa perempuan itu di deretan rumah-rumah yang roboh sambil menangis. Saya kasihan kepadanya, tanpa diminta saya berikan makanan, pakaian dan segala keperluannya serta anak-anaknya," kata Saiduq sungguh-sungguh.

"Itu sajakah yang kau beri?" Tanya tuan hakim

lagi.

"Ada lagi," Jawab Saiduq.

"Apa dia?" Tanya tuan hakim memaksa.

"Saya beri dia seribu dinar untuk keperluan hidupnya. Saya berikan itu kerana Allah, saya kasihan kepadanya dan anak-anaknya." Saiduq cerita kesemuanya.

Tuan hakim termenung sebentar kerana mengenangkan peristiwa yang berlaku antaranya dengan perempuan itu sebelum ini. Di hatinya sungguh menyesal perbuatannya yang angkuh itu yang menyebabkan beliau di perlihatkan bakal kehilangan segala-galanya di akhirat kelak.

"Tapi, saya ingin tahu juga apa sebabnya tuan hakim datang ke rumah saya pagi-pagi begini semata-mata hanya hendak bertanya perkara ini?" Tanya Saiduq menduga.

Tuan hakim masih termenung, kemudian tunduk. Pada wajahnya ternyata seperti seorang yang sedang memikirkan sesuatu dan tampak sedih sekali.

"Begini Saiduq, malam tadi aku bermimpi yang sungguh menyedihkan." Kata tuan hakim perlahan.

"Mimpi yang menyedihkan tuan?" Saiduq terperanjat. "Tapi apa kena mengenanya dengan diri saya?" Tanyanya lagi.

Tuan hakim tidak punya pilihan lain, terpaksa menceritakan segala yang berlaku di dalam mimpiinya. Dia menceritakan segala gedung dan bidadari-bidadari di syurga nanti yang asalnya menjadi miliknya telah bertukar menjadi milik Saiduq kerana semata-mata kebaikan yang dilakukan itu kepada seseorang yang memerlukannya.

Mendengar cerita itu, gementarlah badan Saiduq dan dengan tiba-tiba dia menghulurkan tangannya kepada tuan hakim, katanya:

"Tuan hakim! Sekarang saksikanlah "عَلَيْهِ الْمُصَدَّقَاتُ مِنْ رَبِّكُمْ" bahwa saya menyaksikan bahwa tiada Tuhan melaikkan Allah, Yang Esa, tiada sekutu bagiNya dan bahwasanya Muhammad itu adalah pesuruh Allah, yang diutuskanNya membawa petunjuk dan agama yang benar."

Tuan hakim terpaksa menyaksikan keislaman Saiduq itu dengan hatinya sedih dan menyesal atas kelakuannya yang tidak berperikemanusiaan itu.

Begitulah manisnya iman. Seorang Nasrani yang berbudi mulia, dengan doa seorang perempuan miskin saja, dia telah diberi Allah petunjuk menemui jalan kebenaran, lalu menjadi golongan ahli syurga.

Unlawful Sexual Relationship ISLAMIC PERSPECTIVE

from an
(Part One)

Civil and Islamic Law

The crime of adultery and fornication in Islam differs from the civil crime of adultery and fornication. Islamic law views every unlawful (*haram*) sexual intercourse as adultery or fornication and punishment is meted out on those who commit such crimes - whether they are married or unmarried. Civil law on the other hand does not view every unlawful (*haram*) sexual intercourse as adultery or fornication. Usually, punishment takes a specific form and involves only those who are married. Other than that, it is considered as an outrage of modesty. Under civil law, there is no ruling on consented fornication, as long as the consent is not embarrassing.

What some countries mean by 'embarrassing' is when those involved in fornication are below 18 years of age. The punishment for such an embarrassing sexual involvement is very light as the act is only viewed as a misdemeanor.

Islamic law however describes adultery and fornication as threatening the lives and the welfare of the public. It is seen as an archenemy of the family yet the family is the foundation or source from which a group is formed. By allowing or giving people freedom to perform adultery and fornication, evil and wickedness can be spread in society. At first, the family is destroyed but later, it will destroy the *ummah*. This is what Islam, as

a blessed religion and a universal saviour, tries to prevent.

In civil law, fornication is viewed as a personal matter which does not affect others or the society at large, except in cases of prostitution in which some countries take legal action. That is why in civil law, no legal action is taken on those who commit fornication except when it happens without consent.

Prohibition of Actions Leading To Fornication

Basic Islamic law views coitus (القاء الختانين) between a couple for whom marriage is *halal* (other than between a husband and his wife) as adultery or fornication and the ruling on this is that it is *haram*. Similarly, when other body parts come into contact between the couple, apart from the vagina, it is ruled as sinful. The basis for this is in what Allah has said in Al-Qur'an:

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَلِفُظُونَ. إِلَّا
عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ
فَإِنَّهُمْ عَيْرٌ مَلُومِينَ. فَمَنِ ابْتَغَى وَرَاءَ
ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ.
(سورة المؤمنون: ٧٥)

Translated: "And who guard their modesty (who guard their sexual desires and from adultery), save from their wives or the (slaves) that their right hands possess, for then they are not blameworthy, but whoso craveth beyond that (who

have sexual relationships with other than their wives or slaves), such are transgressors."

(Surah Al-Mu'minun: 5-7)

Islamic law also prohibits *khalwah* (being in seclusion) with women who are not *mahram* (those with whom marriage is forbidden). This is explained in the *hadith* of the Prophet *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا
يَخْلُوَنَّ بِامْرَأَةٍ لَمَّا نَسِيَ مَعْهَا ذُو مَحْرِمٍ
مِنْهَا فَإِنَّ شَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ .

Meaning: "And whoever believes in Allah and the Day of Judgement must never be in seclusion with women without there being a *mahram* (of hers) with her, for otherwise Satan will be the third person (with them).

(Hadith narrated by Ahmad)

If *khalwah* is prohibited, touching is even more sinful.

Among several basic procedures in Islamic law, there is one that says:

مَا أَدَى إِلَى الْحَرَامِ فَهُوَ حَرَامٌ

Meaning: "That which leads to *haram* is in itself *haram*."

If someone's conduct has not reached the level of adultery or fornication, which calls for the *hadd* punishment (prescribed punishment), then the *ta'zir* (discretionary punishment) will be imposed on it. This is for actions

which do not meet the conditions of adultery or fornication like inserting the penis in between the thighs, being in seclusion, hugging, kissing and so on. All of these are *haram* and *ta'zir* is imposed on them as they are clearly preludes to adultery and fornication, and are very sinful acts of disobedience.

The basis for this prohibition, among others, is the saying of Allah Ta'ala:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَى إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً
وَسَاءَ سَبِيلًا.

(Surah Al-Isrā': 32)

Translated: "And come not near unto adultery. Lo! it is an abomination and an evil way (which leads to destruction)."

(Surah Al-Isrā': 32)

Oral Sex

Islam rules that the unmarried couples who are committing oral sex, are guilty from the point of view of *shara'*, of disobedience, and sinful behaviour. It is on the verge of fornication and an act close to fornication is *haram* and *ta'zir* is imposed on it.

Further, what is obvious today is that *ta'zir* on oral sex has not been specified. That is why those who commit it may not be charged or in other words, they go scot free. However, the law of Allah is not impeded by all these - whether it has been specified or not. The law of Allah has as its basis Al-Qur'an or the *ahadith* (traditions) or *ijmā'* (consensus) or whatever source of principles which have been agreed upon by the scholars with regard to certain offences. What is *halal* (lawful) and what is *haram* (unlawful) are clear, it is up to man

(to decide) whether to abide by them or not. The believers are to heed this quotation from Al-Qur'an:

وَمَن لَمْ يَحْكُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَفِرُونَ.

(Surah Al-Mâ'idah: 44)

Translated: "And whoso judgeth not by that which Allah hath revealed, such are disbelievers (for the transgressions)."

(Surah Al-Mâ'idah: 44)

Although oral sex is not adultery or fornication, it is very close to adultery and fornication. In such situations, adultery and fornication can take place any time.

Prohibition of Adultery And Fornication

The ruling on adultery and fornication is clear from Al-Qur'an, *ahadith* and also scholars are in agreement as to its prohibition. In fact, there is a consensus among theologians too, not a single religion permits adultery or fornication.

Allah says in *sûrah Al-Isrâ'*, verse 32:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَى إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً
وَسَاءَ سَبِيلًا.

Translated: And come not near unto adultery. Lo! It is an abomination and an evil way (that leads to destruction)."

Allah also says in surah Al-Furqân, verse 68:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَيْهَا ءَاخِرَ
وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا
بِالْحَقِّ وَلَا يَرْثُونَ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ يُلْقَ
أَنَّا مَا.

Translated: "And those who cry not unto any other god along with Allah, nor take the life which Allah hath forbidden save in (course of) justice (permitted by *shara'*), nor commit adultery - and whoso doeth this shall pay the penalty."

The Prophet Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* has said, as narrated by Abdullah bin Mas'ud *Radiyallahu anhu*:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الذَّنْبِ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ؟
قَالَ: أَنْ تَعْجَلَ لِلَّهِ بِنَادِيَ وَهُوَ خَلَقَكَ
قَالَ: قُلْتُ لَهُ: إِنَّ ذَلِكَ لَعَظِيمٌ، قَالَ
قُلْتُ: ثُمَّ أَيْ؟ قَالَ: ثُمَّ أَنْ تَقْتُلَ
وَلَدَكَ مَحَافَةً أَنْ يَطْعَمَ مَعَكَ قَالَ قُلْتُ
ثُمَّ أَيْ؟ قَالَ: ثُمَّ أَنْ تُرْزَانِي حَلِيلَةً
بِحَارِكَ

(Rواه مسلم)

Meaning: "I asked Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*: "Which sin is the gravest with Allah?" He (the Holy Prophet) replied: "That you associate a partner with Allah, while it is Him Who has created you". Abdullah said: "I told him (the Holy Prophet): "Verily it is indeed grave." Abdullah said: "I asked him what the next (gravest sin) was". He (the Holy Prophet) replied: "That you kill your child out of fear that he shall join you in food." Abdullah said: "I asked (him) what the next (gravest sin) was". He (the Holy Prophet) observed: "Then (the next gravest sin) is that you commit adultery with the wife of your neighbour."

(Hadith narrated by Muslim)

(To be continued in the next issue)

JPM MENTAKMIR MASJID DI BULAN RAMADHAN

Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sekali lagi melaksanakan projek mentakmir masjid di bulan Ramadhan. Projek kali keempat itu diisikan dengan tadarus al-Qur'an, tahlil, doa selamat dan bersungkai.

Melalui aktiviti sedemikian, di samping mengharap pahala takmir masjid dan beri'tikaf, juga diharapkan untuk menjadi kegiatan misali kepada pihak-pihak am dan khas. Bersilaturrahim dengan orang ramai, khususnya penduduk qaryah masjid, dengan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai Jabatan Perdana Menteri merupakan penerapan konsep pemimpin ke masjid.

Sebanyak 18 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengendalikan majlis berkenaan di 6 buah masjid yang dipilih dengan kerjasama jawatankuasa masjid-masjid berkenaan. Masjid-masjid itu ialah Jame' Asr Hasanil Bolkiah, Masjid Kampong Pintu Malim, Masjid Kampong Lambak, Masjid Kampong Kilanas, Masjid Sufri Bolkiah, dan Masjid Kampong Bunut.

Program berkenaan yang bermula pada hari Khamis 3 Ramadhan 1421, bersamaan 30 November, 2000 diadakan secara bersambung-sambung dari sebuah masjid ke sebuah masjid sehingga khatam. Tiap-tiap tadarus



Kehadiran Pegawai-Pegawai Kanan ke masjid merupakan penerapan konsep pemimpin ke masjid.



Sebanyak enam buah masjid telah dipilih untuk majlis tadarus Jabatan Perdana Menteri pada tahun ini.

diaturkan empat *halaqah* atau lebih dan diperuntukkan 4 atau 5 juz untuk dibaca.

Majlis khatam Al-Qur'an bagi tadarus di masjid-masjid itu telah diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddien, pada hari Sabtu 20 Ramadhan, 1421 bersamaan

16 Disember, 2000.

Tahun ini, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Jabatan Audit telah diberi kepercayaan sebagai penyelaras projek berkenaan.



Projek mentakmir masjid di bulan Ramadhan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya diisikan dengan tadarus al-Qur'an, tahlil, doa selamat dan penyampaian wakaf. Tahun ini acara ditambah lagi dengan ceramah menjelang sungkai.

EXPO ISLAM

Antarabangsa I



K e arah mengembalikan kecemerlangan ilmu dan kemahiran Islam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Expo Islam Antarabangsa I pada 1 - 14 Ogos, 2001. Expo yang bertaraf antarabangsa itu dijadikan sebagai sumbangan kepada Tahun Melawat Brunei 2001. Ia dijangka akan dapat menarik lebih ramai warga luar datang ke Negara Brunei Darussalam bagi menyertai dan menyaksikan Expo berkenaan.

Expo antarabangsa yang berhubungkait dengan ilmu dan kemahiran Islam itu akan diadakan di kompleks bangunan Jabatan Mufti Kerajaan di Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan. Expo tersebut direncanakan sebagai mercutanda kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izz ad-din Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perkembangan dan kemajuan pentadbiran agama Islam di zaman pemerintahan baginda. Ia dijangka akan mendatangkan faedah ilmu pengetahuan, kemahiran dan kesan lelehan sosio - ekonomi kepada masyarakat di dalam dan luar negara.

Tujuan utama Expo berkenaan adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada umat Islam mengenai suatu aspek daripada keagungan Islam; menjana kegiatan yang menghasilkan faedah ilmu dan kemahiran tamadun Islam; mempertemukan penyelidik, pencari

ilmu, pemilik keilmuan, kemahiran dan perniagaan; dan menyumbang dalam mempelbagaikan sumber ekonomi yang berupa pelancongan ilmu dan tamaddun.

Expo yang dirancang itu akan mengandungi tiga acara utama, iaitu Pameran Maklumat dan Penerbitan Islam, Pameran Warisan Islam dan Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara.

Ke arah perlaksanaan Expo berkenaan, beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi merancang dan menjayakan Expo

tersebut. Jawatankuasa-Jawatankuasa berkenaan telah mula bergerak dengan lancarnya berdasarkan 'schedule' rangka tindak yang telah disusun.

Pihak luar negeri seperti Pakistan, Mesir, Iran dan sebagainya telah membayangkan kecenderungan mereka untuk turut serta dalam Expo tersebut. Kesediaan ini memberi harapan dan keyakinan akan kejayaan Expo yang akan dikendalikan itu. Pihak pengajur Expo mengalaukan lebih ramai lagi organisasi-organisasi atau institusi yang akan menyertai Expo tersebut.



Antara usaha yang dijalankan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dalam mendapatkan bahan-bahan yang akan dipamerkan dalam Pameran Warisan Islam.

KANDUNGAN UTAMA EXPO

- Pameran Maklumat dan Penerbitan Islam
- Pameran Warisan Islam
- Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara

25 Penulis KERTAS KERJA Diundang Menyertai SEMINAR

Sempena Expo Islam Antarabangsa I tahun 2001, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara pada 3 - 6 Ogos, 2001. Seramai 25 orang penulis kertas kerja telah diundang yang terdiri daripada ulama, sarjana dan penyelidik dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina, Thailand, Kemboja dan Vietnam.

Bidang yang akan disentuh oleh penulis-penulis kertas kerja berkenaan ialah mengenai maklumat, bahan rujukan Islam, kitab-kitab, buku, manuskrip,

pendidikan, ulama, dan perkembangan keilmuan Islam di Nusantara dari sejak kedatangan Islam di rantau ini hingga ke abad 20.

Antara objektif seminar tersebut ialah:

- * Untuk mendapatkan maklumat mengenai senarai kitab-kitab, manuskrip, buku-buku, ulama-ulama dan bahan-bahan rujukan Islam dalam berbagai bidang dan disiplin ilmu yang relevan, sebagai langkah ke arah melaksanakan agenda Jabatan Mufti Kerajaan untuk mengumpul, mengembang dan
- * Untuk mewujudkan kemungkinan wujudnya kerjasama serantau dalam pengumpulan, pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan Islam.

menyebarluaskan ilmu pengetahuan Islam.

* Untuk menimbulkan kesedaran menghargai ulama dan kitab-kitab turath ulama Nusantara.

* Untuk mewujudkan kemungkinan wujudnya kerjasama serantau dalam pengumpulan, pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan Islam.

Borang penyertaan seminar akan mula dibukakan pada bulan Februari, 2001. Peserta dihadkan kepada 200 orang sahaja.

MUFTI Terima S.E.A. WRITE AWARD

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah menerima anugerah S.E.A Write Award bersama 9 penerima yang lain. Anugerah disampaikan oleh Kerabat Diraja Thailand.

Majlis berlangsung pada 21 September, 2000 bertempat di Royal Ballroom, The Oriental Hotel, Bangkok, Thailand.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin telah terpilih sebagai penerima SEA Write Award 2000 dari Negara Brunei Darussalam. Penganugerahan tersebut bukanlah semata-mata penghormatan ke atas



Sebahagian daripada penerima SEA Write Award 2000 selepas menerima anugerah tersebut. (Gambar ihsan DBP)

diri Yang Dimuliakan Pehin sendiri, malahan juga kepada Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan bahawa rakyatnya juga mempunyai penulis-penulis

yang berwibawa dan aktif dalam bidang penulisan. Sebelum ini beberapa orang penulis tanah air telah menerima anugerah yang serupa.

Majlis Khatam Al-Qur'an

TAHLIL & BERSUNGKAI JMK



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, (di tengah) berkesudian bagi memulakan Majlis berkenaan dengan bacaan surah al-Fatiha.

Dalam menyumbang kepada takmir masjid di bulan Ramadhan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan telah menjadikan Majlis Khatam al-Qur'an, tahlil dan tadarus sebagai satu projek tahunan dengan menentukan satu hari dan memilih sebuah masjid sebagai tempat mengadakannya.

Pada tahun ini Jabatan Mufti Kerajaan telah memilih Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong, dan bersepakat dengan Jawatankuasa takmir masjid berkenaan untuk mengadakan majlis yang berkebajikan itu pada 14 Ramadhan, 1421 bersamaan dengan 10 Disember, 2000, dengan menjemput penduduk qaryah masjid berkenaan.

Takmir Masjid pada hari itu dibiayai sepenuhnya secara kolektif oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan. Majlis berkenaan diharapkan dapat ganjaran pahala, rahmat dan ketenteraman di dunia dan di akhirat kepada penyumbang, di samping bertahlil akan mendapat ganjaran dan berkat ke atas diri masing-masing dan ke atas ibu bapa, sanak saudara, handai dan taulan serta keseluruhan arwah orang-orang Islam; manakala menyungkaikan orang-orang yang berpuasa, diharap

mendapat ganjaran pahala sepetimana pahala orang yang berpuasa.

Hadir di majlis itu ialah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin

Juned, Mufti Kerajaan, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada beberapa Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan dan penduduk Kampong Jerudong.

Di majlis itu juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan telah menyumbangkan wakaf yang berupa rehal kepada masjid berkenaan yang disampaikan oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan.

Sementara menunggu menjelang sungkai, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan, telah berkesudian memberikan ceramah di majlis tersebut.



Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan menyampaikan wakaf daripada pegawai & kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan kepada Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong. (Gambar kiri)



Sebahagian daripada jemputan yang hadir di majlis tersebut. (Gambar bawah)

Peranan Ibu MUSLIMAH

Di samping tugasnya sebagai suri rumah tangga, wanita Islam juga mempunyai peranan penting sebagai seorang ibu. Tugas keibuan dalam Islam bukanlah sekadar menjadi isteri, mengandung, melahirkan serta mengasuh anak, kerana sifat yang sedemikian juga ada pada haiwan. Keibuan dalam Islam ialah mempunyai jiwa dan perasaan sebagai seorang ibu yang bersifat penyayang, lemah lembut, tidak mementingkan diri sendiri, kasih terhadap anak-anak, bahkan sanggup berkorban dan bersusah payah melaksanakan kerja-kerja dalam urusan rumah tangga.

Keibuan juga bererti mengukuhkan kedudukan keluarga yang menjadi asas generasi Islam dalam lingkungan keluarga. Peranan keibuan adalah amat penting kerana ibu adalah di antara orang yang akan mencorak dan membentuk keperibadian anak-anaknya, sebagaimana maksud dalam sebuah hadis : "Tidak ada seorang yang lahir melainkan menurut fitrahnya, maka kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Seandainya ibu-ibu muslimah tidak memainkan peranan mereka yang sebenar dalam membentuk dan memberikan pendidikan terhadap anak-anak mereka, maka kesannya akan dapat dilihat sama ada di dunia maupun di akhirat. Amat malanglah ibu-ibu yang sudahlah di dunia mereka bersusah payah memelihara anak-anak mereka itu, di akhirat pula terpaksa dipertanggungjawabkan kerana kelalaian mereka memberikan pendidikan yang sempurna.

Seorang ibu yang beriman sudah tentu tidak suka jika dia hanya menjadi ibu sambilan sebagaimana yang banyak terjadi ketika ini. Kebanyakan ibu yang ada sekarang ini hanya menjadi seorang ibu apabila dia pulang dari tempat kerjanya. Sebahagian besar masanya dihabiskan menjalankan pekerjaannya dengan alasan membantu suami mengumpul wang untuk kebahagian mereka sekeluarga.

Alasan-alasan scumpama ini hanyalah helah untuk mlarikan diri daripada tugas keibuan. Seolah-olah mereka menganggap tugas keibuan hanyalah bebanan dan penindasan yang dikenakan terhadap kaum yang tidak mahu lagi melahirkan anak dengan mengamalkan apa yang dinamakan perancang keluarga. Kononnya dikatakan melahirkan anak akan mengganggu pekerjaan mereka. Kalaupun mereka inginkan anak, anak-anak itu dijaga dan diberi asuhan di pusat penjagaan anak-anak damit.

Para ibu perlulah mengetahui, anak-anak sebenarnya mengharapkan asuhan dan didikan yang sempurna dari seorang ibu. Ibu lebih rapat hubungannya dengan anak-anak daripada seorang bapa. Bagaimanakah asuhan dan didikan yang sempurna dapat diberikan sekiranya ibu-ibu sentiasa sibuk berperanan di luar urusan rumah tangga mereka?

Para ibu hendaklah juga menyedari bahawa

anak-anak merupakan generasi masyarakat akan datang. Kegagalan dan kelalaian para ibu dalam memberikan pendidikan yang sempurna akan menyebabkan masyarakat menjadi porak peranda.

Seorang ibu yang solehah ialah ibu yang mengasuh dan mendidik anak-anaknya dengan rasa keghairahan dan harapan untuk menanam dan mempertahankan konsep kehidupan Islam.

Adalah menjadi tugas seorang ibu muslimah apabila anaknya sudah pandai bertutur, mengajarkannya ucapan syahadat dan ucapan-ucapan lain yang baik-baik yang banyak dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam di dalam hadisnya.

Demikian pola apabila anak-anak sudah berumur tujuh tahun, ibu-ibu hendaklah menggesa anak-anak mereka menuaikan sembahyang apabila berumur 10 tahun, maka dia boleh dipukul. Bagaimanapun mendidik anak-anak mengerjakan ibadah hendaklah disertai dengan keterangan yang jelas supaya mereka mengetahui serta memahami tujuan sebenar ibadah yang mereka laksanakan.

Adalah menjadi peranan ibu-ibu muslimah untuk menceritakan kepada anak-anak mereka tentang kehebatan perjuangan tokoh-tokoh Islam di masa lalu supaya menjadi perangsang kepada mereka untuk dicontohi. Seterusnya para ibu hendaklah sentiasa peka dan mengawasi anak-anak daripada membaca buku, majalah-majalah atau menonton filem-filem yang kurang sihat kerana ini boleh mempengaruhi jiwa dan mengakibatkan gejala yang tidak baik terhadap perkembangan peribadi anak-anak.

Ibu yang solehah sudah tentu tidak akan redha jika anak-anaknya dihantar ke sekolah-sekolah pendakwah agama-agama kufur dan sebagainya.

Satu contoh keibuan yang masyhur dalam sejarah ada pada diri Asma binti Abu Bakar. Anaknya, Abdullah bin Zubir semenjak kecil lagi telah terdidik supaya tidak takut kepada sesiapa pun selain Allah. Pada suatu hari, tatkala Abdullah dan kanak-kanak yang lain sedang bermain di jalan, Sayyidina Umar al-Khattab lalu di tempat tersebut. Semua kanak-kanak yang sedang bermain itu lari kecuali Abdullah. Khalifah Umar sangat hairan dan bertanya kepada dia mengapa dia tidak mlarikan diri seperti kawan-kawannya yang lain. Abdullah menjawab bahawa jalan itu luas untuk dilalui oleh sesiapa pun, tambahan pula dia tidak melakukan apa-apa kesalahan pun. Sayyidina Umar merasa kagum dengan jawapan yang diberikan oleh kanak-kanak sekecil itu.

Apabila dia dewasa, dia enggan berbai'at kepada Yazid bin Mu'awiyyah. Menurutnya sistem khalifah secara warisan adalah bercanggah sama sekali menurut Islam. Di samping itu, Yazid bin Mu'awiyyah yang menjadi khalifah pada masa itu terkenal sebagai seorang ahli maksiat.

Sungguh pun orang ramai tidak bersetuju dengan pendapatnya itu, namun dia bersama-sama pengikutnya tetap melakukan penentangan terhadap pemerintahan Yazid bin Mu'awiyyah. Menurutnya, Yazid bin Mu'awiyyah patut sekali ditentang dan dihapuskan. Dalam pertempurannya menentang tentera-tentera yang diketuai oleh Hajjaj bin Yusuf, beliau hampir-hampir kalah dan ditinggalkan oleh pengikut-pengikutnya. Dalam keadaan genting dia datang menemui ibunya untuk meminta nasihat dan pandangan. Mungkin kita akan menyangka ibunya akan menasihati beliau supaya jangan menentang Yazid bin Mu'awiyyah. Akan tetapi Asma tidak berjiwa seperti ibu-ibu yang ada, malahan dia terus memberi perangsang dan semangat kepada anaknya supaya menentang kezaliman Yazid. Dia lebih rela anaknya itu syahid demi menegakkan kebenaran.

Kemudian, Abdullah memimpin pengikut-pengikutnya hingga sampai di satu tempat, di mana seorang lelaki dari Syam melontar batu kepadanya lalu terkena mukanya. Dalam keadaan demikian, tentera-tentera Hajjaj datang mengerumuni dan membunuhnya. Mereka memenggal kepala, menyiat tubuhnya dan mempermakannya di khalayak ramai sebagai amaran kepada orang yang berani menentang pemerintahan Yazid. Apabila Asma melihat anaknya dipenggal lehernya dan dikelar-kelar tubuhnya, dia tidak terus menangis. Malah dia berkata : " *Tidak mengapa kalau seekor kambing biri-biri dikoyak kulitnya setelah disembelih.*"

Inilah jiwa seorang ibu Islam yang lebih rela anaknya syahid daripada berdiam diri di atas segala kemungkaran. Betapa tabahnya jiwa seorang ibu menghadapi keadaan dahsyat yang menimpa anaknya. Berbeza dengan kita di zaman ini, yang mana keadaan adalah di sebaliknya. Apakah masih ada ibu yang berjiwa seperti Asma di kalangan ibu-ibu sekarang ini?

Begitulah kuatnya pengaruh atau didikan ibu terhadap jiwa kanak-kanak. Sebab itulah kita sebagai seorang ibu harus berhati-hati dalam memberikan pendidikan awal terhadap mereka, agar jangan sampai kita tersilap langkah kerana kita selaku ibu bapa akan bertanggungjawab di akhirat nanti.

Oleh yang demikian kita sebagai wanita Islam janganlah hendaknya merasa hina atau rendah diri dalam melaksanakan tugas sebagai seorang isteri dan ibu kerana mengharapkan ketinggian dan taraf yang serupa dengan kaum lelaki, sebagaimana yang diharap-harapkan oleh wanita jahiliyyah moden. Sebenarnya ukuran ketinggian darjah bukan terletak pada jumlah pendapatan, pangkat, jawatan dan kegiatan-kegiatan yang lain, tetapi terletak pada iman dan taqwa. Untuk mendapatkan iman dan taqwa, seseorang wanita Islam itu hendaklah benar-benar mematuhi setiap hukum-hakam serta peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمُنْفَرِدُ بِالْبَيْنَاءِ وَالْقَهْرِ،
 الْوَاحِدُ الْأَحَدُ، الْفَرِيدُ الصَّمَدُ.
 وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ
 لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
 عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ
 وَآلِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا. أَمَّا بَعْدُ.

Ampun beribu ampun,

Dengan merafa'kan syukur dan puji-pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala, hamba Duli Tuanku serta sekalian Ahli Jawatankuasa Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan ini, amatlah berbesar hati serta menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Duli Tuanku yang juga akan berkenan untuk melafazkan sabda, menyempurnakan pelancaran buku Isu-Isu Kewangan dan seterusnya mengurniakan buku ini kepada wakil Pengurus Kebangsaan APEC 2000, insya Allah.

Sabda Duli Tuanku adalah amat ditunggu-tunggu sebagai perangsang dan penyubur semangat abis hamba Duli Tuanku, untuk terus berusaha tanpa mengenal penat lelah, bagi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Sesungguhnya, isu-isu kewangan merupakan perkara penting kepada dunia dan umat manusia. Masing-masing orang atau bangsa menanganinya dengan cara mereka sendiri-sendiri. Maka demikian itulah pula dengan umat Islam, mereka berurus dan mengurusnya dengan cara mereka yang tertentu pula.

Jika orang lain hanya melihat isu ini dengan kacamata keduniaan semata-mata, tetapi umat Islam adalah dengan "dua" kacamata yang seimbang : Kacamata keduniaan dan kacamata akhirat. Sebab itulah, "*bahasa untung-rugi*" itu sangatlah berbeza sekali di antara orang Islam dan orang bukan Islam. Untung bagi orang lain ialah pencapaian kuantiti yang boleh dihitung, dengan apapun caranya, tetapi untung bagi kita umat Islam tidaklah semestinya



Sembah Khas Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Muttu Kerajaan, di Majlis Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan pada 7 Sya'ban, 1421 bersamaan 4 November, 2000.

dalam bentuk angka semata-mata, tetapi perlu ditimbang atau diukur melalui neraca keberkatan dan pahala. Kerana itulah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* apabila mendapat seorang peniaga cuba mengelirukan pembeli-pembelinya, lalu Baginda pun bersabda dengan kerasnya : *"Sesiapa yang menipu, maka dia bukanlah daripada umatku."*

Apa sebenarnya yang diutamakan oleh Islam itu? Jawabnya ialah keberkatan dan pahala. Berkat itu ertinya "*lebih dan berlipat ganda*." Harta yang berkat, walaupun sedikit, hakikatnya adalah banyak, bukan sedikit. Sebaliknya harta yang banyak tetapi tiada berkatnya, ia sebenarnya adalah sedikit, bukannya banyak.

Ungkapan ini kedengarannya seperti berbelit-belit. Maka oleh itu hamba Duli Tuanku menjunjung limpah kurnia perkenan untuk meneruskan sedikit lagi penjelasan mengenainya.

Seorang ulama telah ditanya : "Bangsa apakah yang paling kaya di muka bumi ini?" Dia menjawab : "Bangsa A Muslim!" (sebutan ini sengaja tidak dilengkapkan). Dia ditanya lagi : "Bangsa apakah pula yang paling miskin?" Dia menjawab : "Juga bangsa 'A' muslim!" Sungguh hairan,

bagaimanakah boleh berlaku : Paling kaya dan paling miskin itu terjadi dalam satu masa?

Ulama ini menjelaskan, paling kaya, kerana bangsa ini di samping memiliki keupayaan, ia juga memang benar-benar memiliki kekayaan dan kemakmuran. Dan kemudian sebagai bangsa yang termiskin pula, kerana harta kekayaan mereka itu sebenarnya tidak berada dalam tangan mereka, tetapi ada di dalam bank-bank orang lain, bank-bank musuh-musuh mereka sendiri.

Bank-bank ini telah melaburkan hartaharta tersebut dengan sesuka hati tanpa sedikit pun menghiraukan hak-hak yang mesti ditunaikan berhubung dengan harta.

Ulama itu seterusnya membuktikan dakwaannya, dengan menyebutkan satu pengumuman yang pernah dibuat oleh sebuah bank di Amerika, bahawa pernah dalam satu tahun di tahun 90an, satu tahun saja, hasil minyak (petroleum) bangsa A Muslim ini ialah sebanyak 149 billion dolar. Satu tahun saja 149 billion dolar. Satu billion bersamaan dengan seribu million. Jika kita menulisnya dengan angka entah berapakah sifarnya, *wallahu a'lam*.

Kemanakah harta yang bertimbun-timbun ini? Sedangkan bangsa A Muslim yang memiliki itu masih dan terus saja menderita? Apabila mereka mendapat makanan, maka pakaian pula tiada. Apabila mereka mendapat pakaian, maka ubat-ubatan pula tiada, dan apabila memperolehi ubat-ubatan, maka pakaian pula tiada.

Begitulah keadaan bangsa yang memiliki 149 billion dolar setahun itu, di mana kemiskinan, kelaparan dan penyakit-penyakit masih saja bersama-sama dengan mereka. 90% bangsa yang sepatutnya kaya-raya ini masih saja merengkok dalam kemiskinan dan kelemahan. Mengapa?

Menjawab ulama : "Kerana di sana masih bersarang kezaliman, kerana di sana masih berleluasa maksiat, masih ada arak, masih ada zina, masih ada judi, masih ada riba, masih ada bangsa-bangsa lain yang menjajah budaya, ekonomi dan politik mereka."

Inilah yang telah dan sedang berlangsung dari pesisiran Lautan Atlantik sehingga kekawasan-kawasan Telok.

Ulama ini seterusnya menyempurnakan hujjahnya, dengan menoleh sejenak kebelakang, ke zaman gemilang Kerajaan Islam Bani Umayyah, di masa Khalifah yang ke-5, ‘Umar bin Abdul Aziz, seorang Khalifah yang bertaraf ulama dan ahli takwa. Di masa itu tidak berbangkit sama sekali cerita emas hitam, cerita minyak atau petroleum, tidak berbangkit. Tidak ada minyak, walau setong pun, tidak ada! Tetapi di hadapan Khalifah ‘Umar bin Abdul Aziz berlonggok-longgok harta zakat. Harta-harta ini diagih ke seluruh pelusuk wilayah dan rantau pemerintahannya, namun tidak ada satu tangan, walaupun satu tangan yang mahu menjawatnya, tidak ada tangan yang menadah pada masa itu, semuanya / seluruhnya adalah tangangan-tangan yang penuh berisi belaka, yang tidak berhak untuk menerima zakat.

Lalu apakah lagi usaha Khalifah dengan harta-harta yang telah menjadi hak Allah ini? Adakah dimasukkannya ke bank-bank asing, atau diguna-pakai untuk membeli barang-barang mewah, membeli senjata-senjata canggih, atau dibuatkan pembangunan infrastruktur dan membina bangunan-bangunan pencakar langit? Tidak! Tetapi Khalifah tidak habis ikhtiar dan cara. Baginda telah *memberikan*, bahawa sesiapa juga dari kalangan hamba sahaya yang ingin bebas daripada tuan-tuan mereka, yang mahu menebus kebebasan mereka daripada tuan-tuan itu, maka dipersilakan mereka menerima bantuan daripada zakat tadi. Atau, mana-mana pemuda yang masih bujang, yang belum cukup kewangan dan persediaan untuk berkahwin, juga disuruh mendaftar untuk dibantu kahwin dan lain-lain lagi.

Inilah gambaran tentang kemewahan / kekayaan yang penuh dengan berkat, sehingga untuk kahwin pun ada subsidiinya daripada harta zakat. Tidak seperti zaman sekarang, subsidi itu amat sedikit, berbanding dengan pembebanan kepada rakyat lebih berleluasa dan menjadi budaya. Misalnya budaya cukai mencukai amatlah memeritkan rakyat. Sehingga kepala pun juga dicukai, pintu rumah juga dicukai dan lain-lain lagi.

Di sinilah, kita rakyat negara ini amat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata’ala, kerana ciri-ciri negara berkat, ciri-ciri kerajaan berkat itu, serba sedikit, sedang berjalan dan kita miliki. Di bawah kepimpinan dan pemerintahan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, rakyat telah sekian lama menikmati bebas cukai, menikmati pelajaran percuma, perubatan percuma, ada skim perumahan untuk rakyat, subsidi permakanan terutamanya beras, subsidi minyak, ada skim pencen, termasuk “pencen tua” untuk orang-orang yang berumur 60 tahun ke atas, Skim Bantuan Kebajikan, Skim Bantuan Untuk Janda-Janda, Skim Bantuan Baitul Mal, Skim Derma dan Bantuan Kepada Anak-Anak Yatim (sekarang kita ada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim), dan paling menonjol serta beroperasi dengan aktifnya ialah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menyalurkan bermacam-macam jenis bantuan kebajikan untuk rakyat dan penduduk. Semua ini adalah menjadi syi’ar dan sumber berkat kepada Negara Brunei Darussalam. Sayugia ianya dikekalkan dan berkekalan hendaknya. Amin ya rabbal ‘alamin.

Ini semua adalah ekonomi, adalah kewangan, isu-isu kewangan. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah dan sedang mengendalikannya dengan rancak dan licin. Dan inilah pula sebenarnya antara pendekatan serta semangat yang terdapat di dalam buku Isu-Isu Kewangan ini.

Ampun beribu ampun,

Disembahkan, Jabatan Mufti Kerajaan, cuba-cuba turut terlibat di dalam perkara ekonomi ini, di samping tugas pokoknya menjana, mengumpul, mengembang dan menyibarkan ilmu dan maklumat Islam. Jabatan ini juga alhamdulillah, telah diperkenankan untuk mengadakan Expo Islam Antarabangsa I yang dijangkakan berlangsung pada bulan Ogos, 2001, dengan diberikan peruntukan yang berpatutan. Sekiranya Expo ini berjaya sebagaimana yang dirancang, maka insya Allah, ia dijangka akan dapat mendatangkan pulangan melebihi daripada modal peruntukannya.

Ini adalah percubaan pertama Jabatan ini bagi sama-sama menyumbang ke arah mengisi program negara mempelbagaikan ekonominya dan Tahun Melawat Brunei 2001.

Jabatan Mufti Kerajaan turut mencuba ke arah mendatangkan nilai tambah (value added) kepada sesuatu kebajikan itu. Ibarat, jika dimisalkan seikat rotan yang berharga cuma \$100/-, lalu ia diusahakan menjadi perabut yang berupa kerusi meja dan sebagainya sehingga dengan itu, mendatangkan pula hasilnya kemudian sebanyak \$1000/-, dalam makna value addednya ialah sebanyak \$900/-.

Nilai tambah yang diusahakan di sini, tidaklah terbatas kepada ekonomi dan kewangan saja, malahan lebih-lebih lagi insya Allah, akan meliputi bidang ilmu, khasnya ilmu-ilmu Islam, sebagaimana harapan ke arah itu telahpun nampak daripada wawasan raja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, apabila Baginda itu telah memperkenankan baru-baru ini peruntukan sebanyak \$7.6 juta untuk sistem komputer dan website Jabatan ini, yang dengannya nanti, insya Allah, Negara Brunei Darussalam akan mampu untuk menyumbangkan khidmatnya dalam bidang ilmu, bukan saja bagi umat Islam setempat malahan juga untuk umat Islam seluruhnya.

Ampun beribu ampun,

Buat mengakhirinya, Hamba Duli Tuanku sekali lagi dengan penuh hormat dan ta’zim menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kemurahan Duli Tuanku berangkat kerana Pelancaran Buku Isu-Isu Kewangan ini, insya Allah, dan begitu juga tidak dilupakan : disembahkan menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia-Yang Amat Mulia, Keberangkatan dan Kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Dhef-Dhef Kehormat dan hadhiran sekalian. Semoga Allah memberikan ganjaran-Nya berupa rahmat kepada semua. Amin.

Sekian, Wabillahit taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung anugeraha.

Sayangi, Ikut & Tatang Ajaran Islam

Titah



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Perluan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru umat Islam agar menyayangi Islam dengan mengikut dan menatang ajaran-ajarannya, agar selamat dan berbahagia hidup di dunia dan akhirat.

Menurut baginda Islam itu bukanlah seperti yang disangkakan oleh setengah orang, bahawa ia tidak pernah menyumbang kepada kemanusiaan sejagat, tidak sensitif dengan penderitaan orang lain dan sebagainya. Baginda dengan yakin menegaskan:

"Inginlah di sini beta tegaskan, bahawa ugama Islam bukan saja mendidik umatnya sendiri, malahan juga manusia seluruhnya dengan prinsip-prinsip keadilan yang unggul, yang tidak pernah membezakan warna kulit ataupun rupa bangsa."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada malam 17 Ramadhan, 1421 bersamaan 13 Disember, 2000 di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Menurut baginda lagi agama Islam bukan saja mengurus manusia,

malahan juga mengurus seluruh makhluk.

Seterusnya baginda menegaskan: "Bukankah kita telah diberitahu melalui riwayat-riwayat hadis tentang seseorang yang masuk syurga, cuma kerana perbuatannya menyelamatkan seekor anjing daripada mati kehausan, dan sebaliknya, seseorang yang dimasukkan ke neraka kerana perbuatannya mengurung seekor kucing sehingga kucing itu mati kelaparan."

"Inilah sebenar-benarnya Islam. Betapakah indah dan cantiknya, kalau ia kita amalkan dalam kehidupan kita."

Acara kemuncak majlis pada malam itu ialah pengumuman keputusan pertandingan menghafaz al-Qur'an dan penganugerahan hadiah dan cenderamata kepada pemenang. Johan di setiap bahagian memperdengarkan bacaan mereka di majlis itu.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Alamat: Tingkat 3, Bangunan Pejabat Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8510, Brunei Darussalam.

Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn dan Fatwa@brunet.bn